

Abdul  
Rahman  
Sulaiman



rahmansulaiman@yahoo.com

# Politik wang pemusnah ketuanan Melayu

B-H

30/10/08

M/S 33

**M**INGGU lalu apabila ruangan ini membincangkan politik wang yang dikatakan berleluasa ketika pemilihan Umno yang berjalan sekarang, penulis dihubungi ramai teman yang mengusulkan agar masalah terbabit jangan terlalu diheboh-hebohkan.

Kononnya membesar-besarkan perkara berkenaan akan hanya memalukan Umno dan orang Melayu. Teman-teman ini mendakwa oleh kerana masalah itu tidak mungkin dapat dibendung, adalah lebih baik membiarkannya begitu saja kerana penggunaan wang adalah perkara biasa dalam politik.

Ada juga yang mencadangkan supaya perwakilan parti yang ditawarkan sogokan menerima saja sogokan itu, tetapi jangan memberikan undi kepada orang yang memberi sogokan sebagai satu pengajaran supaya mereka tidak mengulangi perbuatan tidak beretika itu pada masa depan.

Usul kedua ini sebenarnya pernah penulis ajukan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika beliau masih menjadi Presiden Umno.

Secara berseluruh, penulis cadangkan oleh kerana ramai pemimpin Umno begitu murah hati untuk menyumbang wang ringgit kepada ahli yang menjadi perwakilan, mungkin satu jalan penyelesaian sementara ialah menggalakkan ahli menerima pemberian itu dan mengaggapnya sebagai sedekah daripada pihak yang berkemampuan.

Tetapi, orang yang menerima sedekah hendaklah memastikan agar mereka tidak memberikan undi masing-masing kepada orang yang bersedekah itu. Jika undi diberikan kepada mereka, sedekah akan terbatal dan sebaliknya menjadi rasuah.

Gara-gara membuat cadangan ini, penulis bukan saja dimarahi Dr Mahathir, malah dijadikan mangsa sindiran tajam bekas Perdana Menteri itu. Untuk beberapa ketika, setiap kali bertemu beliau akan bertanya bila penulis akan siapkan buku mengenai cara menghalalkan rasuah.

Begitulah pendirian Dr Mahathir dan sudah pasti pemimpin serta bekas pemimpin tertinggi Umno lain menentang politik wang yang kini dirujuk sebagai rasuah politik.

Apa pun, penulis tidak akan bersetuju sama sekali jika masalah ini hendak dibiarkan begitu saja seolah-olah ia tidak berlaku. Kesan buruk yang bakal menimpa parti terbesar orang Melayu ini sudah ramai orang yang tahu kerana sudah terlalu banyak diperkata dan dihuraikan.

Sebagai seorang anggota yang setia, penulis tidak sanggup melihat parti yang sudah begitu banyak berjasa kepada bangsa, agama dan tanah air ini terkubur kerana salah laku anggotanya sendiri. Setiap anggota perlu mengambil iktibar daripada kenyataan terbaru Pengerusi Lembaga Disiplin Umno, Tengku Ahmad Rithauddeen yang disiarkan akhbar *The New Straits Times* kelmarin.

Menurut beliau, politik wang dalam Umno kini sudah berakar umbi dengan mendalam sehingga sukar untuk parti menanganinya secara berkesan. Katanya, walaupun jentera parti, khususnya jawatankuasa disiplin parti berusaha sedaya upaya untuk mengatasi masalah terbabit, tidak banyak kemajuan dapat dicapai.

Tanpa berselindung, Tengku Rithauddeen menjelaskan gejala buruk yang mula dikesan menimpa parti terbabit sejak dua dekad lalu jika dibiarkan berterusan, akan membawa Umno ke satu peringkat yang mana ia tidak akan mempunyai ruang untuk kembali ke pangkal jalan.

"Akhirnya Umno akan hancur untuk selamanya," tegas beliau.

Kekecewaan Tengku Rithauddeen cukup difahami. Sebagai ketua sebuah badan yang diamanahkan untuk membersihkan parti daripada dalam, beliau dan anggota jawatankuasanya berdepan pelbagai masalah. Kekurangan kakitangan untuk memantau salah laku anggota, keengganan ahli membuat laporan atau tampil sebagai saksi hanya sebahagian daripada masalah dihadapi.

Dalam keadaan sekarang adalah sesuatu yang mustahil untuk menyandarkan harapan semata-mata kepada Tengku Rithauddeen dan orang beliau untuk membendung rasuah dalam parti. Apa yang lebih penting ialah kesedaran ahli parti sendiri terhadap kesan jangka panjang

kepada parti jika amalan buruk sesetengah pemimpin dan anggota parti tidak dihentikan.

Setakat ini pun, jika ahli parti dan pemimpin mereka benar-benar ikhlas, mereka pasti sudah dapat melihat berapa ramai pemimpin yang tidak sepatutnya berada pada kedudukan masing-masing sekarang mendapat tempat sama ada pada peringkat cawangan, bahagian atau Majlis Tertinggi.

Ada juga calon yang langsung tidak berwibawa mengatasi calon yang lebih baik dan berwibawa dari segi undi, semata-mata kerana pengaruh wang. Anggota parti tidak boleh menafikan hakikat ini jika mereka benar-benar jujur dan ikhlas.

Adalah jelas bahawa jika gejala ini terus berleluasa, masanya akan tiba apabila keseluruhan kepemimpinan parti akan dimonopoli oleh orang yang tidak berkualiti dan bermoral. Apabila ini berlaku, parti terbesar orang Melayu ini akan menjadi tidak lebih daripada sebuah timunan hampas politik yang akan ditolak oleh seluruh pengundi.

Ketika itu, jangan harap ada pihak lain yang akan memperjuangkan ketuanan Melayu, hak-hak Melayu atau apa juga yang berkaitan dengan Melayu.

Minggu lalu penulis cuba membezakan mereka yang mengamalkan politik wang dengan mereka yang tidak mengamalkannya dengan melabel masing-masing sebagai politik komersial dan politik perjuangan.

Harapan penulis ialah agar ada pihak yang menyambut saranan itu untuk membolehkan perwakilan ke mesyuarat perwakilan bahagian yang sedang berlangsung sekarang membuat perbandingan dalam pengundian masing-masing.

Nampaknya tiada siapa yang peduli. Apakah anggota Umno lebih rela melihat ketuanan Melayu dimusnahkan oleh pemimpin Melayu yang rakus kuasa semata-mata kerana kuasa tanpa sedikit pun mengambil kira masa depan anak cucu mereka? Segala-galanya terserah kepada ahli Umno sendiri sementara masa masih ada untuk balik ke pangkal jalan.

**Datuk Abdul Rahman Sulaiman** ialah bekas Ketua Pengarang Bernama dan Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian

**“** *Setakat ini pun, jika ahli parti dan pemimpin mereka benar-benar ikhlas, mereka pasti sudah dapat melihat berapa ramai pemimpin yang tidak sepatutnya berada pada kedudukan masing-masing sekarang mendapat tempat sama ada pada peringkat cawangan, bahagian atau Majlis Tertinggi”*